

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH**  
**(JASIN)**  
**TARIKH : 21 MARCH 2016 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 19**

**SOALAN**

**YB. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH (JASIN) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:**

- a) langkah memacu kembali beberapa industri yang mengalami kesuraman ekoran ketidaktentuan pasaran global seperti industri petroleum, sawit dan gas; dan
- b) langkah memastikan industri elektrik dan elektronik terus berdaya saing dan menjadi faktor utama lonjakan eksport negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Tidak dinafikan beberapa industri seperti petroleum (termasuk gas) dan sawit sedang mengalami *trend* penurunan terutama dari segi nilai eksport.

Bagi industri petroleum (termasuk gas), eksport negara pada tahun 2015 telah menurun sebanyak 23.9 peratus kepada RM127 bilion berbanding RM166.8 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Manakala eksport industri sawit pada tahun 2015 turut merosot sedikit sebanyak 5.4 peratus kepada RM45.6 bilion berbanding RM48.2 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Tuan Yang DiPertua,

Secara umumnya, penurunan eksport kedua-dua sektor ini disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain termasuk:

- (i) Penurunan harga minyak mentah dunia kerana pengeluaran minyak mentah yang melebihi permintaan;
- (ii) Pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimport petroleum utama di dunia terutamanya negara China; dan
- (iii) Kejatuhan nilai ringgit berbanding pengukuhan nilai dollar Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya prihatin akan pentingnya untuk meningkatkan pendapatan eksport sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bagi mencapai objektif tersebut, diantara langkah yang telah dilaksanakan, termasuk:

- (i) Menubuhkan Majlis Eksport Negara (NEC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sejak bulan Disember 2014 yang mana Majlis ini dianggotai seramai 18 ahli yang mewakili pelbagai Kementerian dan sektor swasta yang berkepentingan. Majlis ini berperanan untuk mengenalpasti masalah dan isu yang dihadapi oleh pelbagai sektor yang mempunyai kepentingan eksport dan seterusnya merangka, melaksana dan memantau pelaksanaan inisiatif peningkatan eksport dengan berlandaskan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan;
  
- (ii) MITI melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan melaksanakan sebanyak 150 program penggalakan eksport yang terdiri daripada 85 aktiviti promosi perdagangan dan 65 program pembangunan pengeksport. Fokus utama pendekatan strategik ini adalah bagi sektor bernilai tambah tinggi termasuk minyak dan gas serta elektrik dan elektronik (E&E); dan
  
- (iii) Melaksanakan pendekatan bersepadu bagi menangani isu eksport sawit. Di antara pendekatan yang diambil termasuk memperkukuhkan kerjasama di antara Malaysia dan Indonesia melalui penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC). Di bawah kerjasama ini, Malaysia dan Indonesia akan mengukuhkan kerjasama kolektif dalam menangani isu dan cabaran semasa seperti halangan perdagangan minyak sawit, kejatuhan nilai pasaran serta menggalakkan pembangunan industri sawit secara mapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, sektor E&E terus mengekalkan momentum sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak enam (6) peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 5.9 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Dari segi pendapatan eksport pula, sektor E&E telah menyumbang sebanyak 35.6 peratus (RM277.9 bilion) kepada pendapatan eksport negara berbanding 33.4 peratus (RM256.1 billion) yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Menyedari kepentingan sektor E&E kepada pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan sumbangan industri tersebut kepada ekonomi negara. Di antara inisiatif-inisiatif berkaitan adalah:

- (i) Mengenalpasti industri E&E sebagai sub-sektor pemangkin di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang mana usaha akan dipergiatkan ke arah mencapai sasaran kadar pertumbuhan sektor tersebut sebanyak 4.7 peratus menjelang tahun 2020;
- (ii) Menubuhkan Majlis Strategik E&E atau *E&E Strategic Council (EESC)*, dengan izin, dan Kumpulan Fokus Industri E&E di bawah Majlis Eksport Negara. Kedua-dua jawatankuasa ini ditubuhkan khusus bagi merangka inisiatif ke arah meningkatkan daya saing industri E&E dari segi ekosistem industri dan meningkatkan eksport negara ke peringkat global;

- (iii) Menyediakan skim galakan pre-pakej di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) untuk segmen terpilih, seperti *advanced electronics*, dengan izin. Melalui DISF, Kerajaan menyediakan bantuan dalam bentuk geran bagi tujuan latihan untuk rakyat tempatan, menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di dalam negara, menaiktaraf kemudahan dan peralatan bagi menjalankan aktiviti pengilangan atau penyediaan perkhidmatan kepada syarikat multinasional (MNC) dan syarikat *outsourcing*, dengan izin; dan
  
- (iv) Melaksanakan sebanyak 20 daripada 27 projek di bawah Projek Permulaan (*Entry Point Projects - EPPs*), dengan izin, dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Economic Areas -NKEA*) untuk sektor E&E. Program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011 ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing syarikat-syarikat E&E tempatan dan seterusnya menyumbang kepada RM90.1 bilion Pendapatan Negara Kasar (GNI) serta mewujudkan sebanyak 157,000 peluang pekerjaan pendapatan tinggi dan pertengahan menjelang tahun 2020.

Kerajaan yakin bahawa industri E&E akan dapat terus berdayasaing dan kekal sebagai salah satu penyumbang utama pendapatan ekport utama negara melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut dan kerjasama erat dengan pihak industri.